

SULIT

BAHASA MELAYU
KERTAS 2
MASA 2 ½ JAM



1103/2

www.lamanbahasa.wordpress.com

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH
(CAWANGAN PULAU PINANG)

MODUL LATIHAN BERFOKUS SPM 2014

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

2 JAM 30 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Modul latihan berfokus ini mengandungi 10 halaman bercetak.

SULIT

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan menguasai bahasa asing dan kekangan untuk mempelajari bahasa asing**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Dalam era globalisasi dan kemajuan pesat negara pada hari ini, kemampuan untuk menguasai dan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa merupakan satu kelebihan yang cukup istimewa bagi memperkaya pembangunan modal insan dalam negara. Fungsi bahasa bukan sahaja sebagai alat untuk berkomunikasi tetapi juga mempunyai kepentingan yang pelbagai, lebih-lebih lagi apabila seseorang itu dapat menguasai lebih daripada satu bahasa. Kemahiran menguasai pelbagai bahasa bukan *suatu perkara mustahil*. Banyak antara mereka mampu menguasai dan berkomunikasi dalam bahasa asing selain bahasa ibunda yang dituturkan malah mereka berjaya memiliki ijazah dari universiti luar negara yang menggunakan bahasa tempatan mengikut bidang kepakaran masing-masing.

Kemahiran menguasai bahasa asing dapat memberikan nilai tambah kepada pelajar untuk bersaing dalam pasaran kerja. Hal ini demikian kerana penguasaan pelbagai bahasa dan kemahiran berkomunikasi merupakan suatu pertimbangan penting diberi oleh sesetengah majikan dalam mana-mana syarikat antarabangsa atau multinasional. Memang tidak dapat dinafikan terdapat banyak bahasa yang dituturkan oleh manusia di seluruh dunia. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mempunyai anggota yang terdiri daripada 192 buah negara mengiktiraf enam bahasa rasmi digunakan dalam setiap persidangan rasmi yang terdiri daripada bahasa Inggeris, Perancis, Rusia, China, Sepanyol dan Arab. Situasi ini menyebabkan keyakinan seseorang akan bertambah apabila bertutur di khalayak yang dihadiri oleh pelbagai bangsa. Jika dilihat dari sudut perdagangan antarabangsa, penguasaan bahasa antarabangsa seperti bahasa Inggeris amat mustahak. Hal ini demikian kerana penguasaan bahasa tersebut membantu perwakilan negara memahami sesuatu perincian perjanjian sekali gus menjamin rundingan perdagangan yang lebih bermakna.

Selain itu, perkembangan ekonomi negara sering dikaitkan dengan pemindahan ilmu dan teknologi dari negara-negara maju. Oleh itu, kelebihan ini membolehkan seseorang memperoleh, serta memindahkan pengetahuan dan teknologi dalam segenap bidang di samping itu, proses mempelajari ilmu dalam pelbagai bidang ilmu akan menjadi lebih licin. Dalam hubungan diplomatik pula, para diplomat yang terdiri daripada pegawai kanan atau duta yang dilantik untuk mewakili negara dalam hubungan antarabangsa perlulah menguasai bahasa negara tempat mereka ditugaskan. Kemampuan berbahasa ini memudahkan tugas harian para diplomat malah mengangkat martabat diplomat Malaysia kepada negara asing.

Sebagai intih, langkah kerajaan memperkenalkan subjek bahasa asing di peringkat sekolah terutamanya di peringkat awal persekolahan perlu diterima secara positif kerana pakar bahasa dan ahli neurologi bersepakat mengatakan bahawa masa paling sesuai untuk mempelajari bahasa adalah antara 6 hingga 12 tahun. Langkah ini tidak bermakna menafikan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Sememangnya bahasa merupakan lambang atau identiti nasional, tambahan lagi sebagai alat untuk mengukuhkan perpaduan rakyat sesebuah negara.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Kepentingan Menguasai Pelbagai Bahasa' Oleh Haji Samat Buang Fokus SPM, April 2007)

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *suatu perkara mustahil*.

[2 markah]

(ii) Nyatakan fungsi-fungsi bahasa seperti yang dinyatakan dalam petikan tersebut.

[3 markah]

(iii) Pada pendapat anda, apakah cara-cara ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak mereka mempelajari bahasa asing?

[4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Geraaaaaa!

Aku terduduk. Detakan debar yang maha kencang dalam dadaku, menyebabkan aku terduduk. Rentetan terus-menerus mengotori malam kampung kami. Pulau Pak Amat dibisingi bunyi bedilan dan ledakan yang entah mengapa. Dalam keadaan malam yang mencekik suara kami, tiba-tiba kudengar beduk subuh. Beduk dari Kampung Tuk Lukup. Tidak kudengar beduk dari kampungku sendiri. Mengapa?

Kudengar hingar-bingar daripada jiran-jiran. Ayahku bangun. Bukan. Ayahku hanya berdiri di atas lututnya saja. Kami dapat melihat api yang sedang menjulang di sebelah matahari jatuh. "Ya Tuhan!" aku berseru dalam hati.

"Perang!" sepatah keluar daripada mulut ayahku. Aku terhenyak semula ke dalam punggungku. Suatu ledakan menyala berhampiran pagar ubi kayu yang aku tanam. Kebisingan sudah merasuk dari sebelah-menyebelah. Kudengar ada tapak berlari di halaman rumah kami.

"Hassan!" laungan pendek dan tajam menyeru nama ayahku. "Jepun melanggar!" suara itu membantu menyalakan kegelapan dalam dada kami.

Ibuku meraung kecil. Abang dan adikku juga. Kami berkumpul rapat-rapat seolah-olah menyatakan perpaduan kami. Biarlah kami hangus dalam keluarga. "Tidak!" Aku tiba-tiba membentak kepada hatiku sendiri. Tapi ayahku lebih dahulu bertindak sebelum aku berkata apa-apa.

"Keluar! Meniarap di tanah!" perintahnya.

(Dipetik daripada cerpen "Pahlawan Buntung" karya S.Othman Kelantan dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka.

i. Nyatakan keadaan yang berlaku di Pulau Pak Amat pada pagi itu?

[2 markah]

ii. Biarlah kami hangus dalam keluarga. "Tidak!" Aku tiba-tiba membentak kepada hatiku sendiri.'

Pada pandangan anda, mengapakah penulis tiba-tiba berubah fikiran dan membentak hatinya sendiri ?

[3 markah]

iii. Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan cerpen ini.

[4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah beberapa lama berlabuh barulah orang-orang yang mabuk tadi tersedar. Seseengahnya terpinga-pinga sambil bertanya-tanya di manakah mereka berada sekarang, tetapi jurumudi pula apabila tersedar segeralah dia mencabut kerisnya lalu menikam seekor ayam. Dengan kerisnya yang berlumuran darah itu pergilah dia mendapatkan Tuanku Nakhoda Tua.

"Ampun Tuanku, patiklah yang memeliharakan geliung ini daripada amuk Tuan Puteri Dayang Nuramah kelmarin."

Tuanku Nakhoda Tua yang baru pulih dari mabuknya terpisat- pisat membelek-belek keris jurumudi yang penuh berdarah itu. Fikirnya, sungguh juga kata jurumudi ini, kerana waktu amuk itu berlaku beta jatuh pengsan.

Tiga hari tiga malam lamanya geliung itu berlabuh di Pulau Tapai. Anak-anak geliung bersuka ria dengan pelbagai jamuan. Kemudian Tuanku Nakhoda Tua berkata, "Jikalau selamat geliung ini sampai ke Tanah Jawa, akan kukahwinkan puteriku Dayang Seri Jawa dengan sesiapa yang dapat menyelamatkannya."

"Ampun Tuanku, patiklah akan menjadi galang gantinya hingga selamat sampai ke Tanah Jawa," sembah jurumudi.

"Sabarlah wahai jurumudi, sekarang kita masih dalam perjalanan, kita belum lepas daripada bahaya yang besar, kerana bajak laut terlalu banyak di lautan depan ini."

(Dipetik daripada "Pelayaran Yang Penuh Peristiwa" dalam Antologi Harga Remaja, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah perkara yang dilakukan oleh jurumudi sebaik-baik sahaja dia tersedar daripada pengsan?
[2 markah]
- (ii) Mengapakah Tuanku Nakhoda Tua enggan menerima pengakuan yang dibuat oleh jurumudi?
[3 markah]
- (iii) Pada pandangan anda, mengapakah jurumudi beria-ia hendak mengambil hati Tuanku Nakhoda Tua?
[3 markah]

Soalan 2(d) – Gurindam

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Gurindam Tonggak Dua Belas

Mohd Sidek Mohd Dollah (Mas Adeki) (Penyelenggara)

Hendak pandai menghargai masa,
Jangan dinanti esok lusa.

Ketekunan akan membawa kejayaan,
Kegigihan bekerja dengan keupayaan.

Wajah ceria keseronokan bekerja,
Usah berduka bermuram durja.

Hidup dalam kemuliaan kesederhanaan,
Bertindak dengan penuh kebijaksanaan.

Ketinggian peribadi jadi amalan,
Ketelusan hati jadi bekalan.

Kekuatan sifat baik hati,
Bertimbang rasa dan bersimpati.

Pengaruh kepimpinan melalui teladan,
Baik buruk jadikan sempadan.

Menjadi kewajipan menjalan tugas,
Walaupun sederhana tetapi tegas.

Kebijaksanaan berhemat perlu diutama,
Tidak membazir teliti saksama.

Keutamaan kesabaran fikiran tenang,
Perkara susah menjadi senang.

Peningkatan bakat diberi sokongan,
Tunjukkan kebolehan jadikan dorongan.

Nikmat mencipta budaya kreatif,
Kembangkan bakat semoga aktif.

Seuntai Kasih Secebis Harapan, 2007
Antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Sebagai pekerja dalam sesebuah organisasi, seseorang perlulah memiliki dan mengamalkan beberapa sifat baik. Berdasarkan gurindam nyatakan sifat-sifat tersebut. [3 markah]
- (ii) Pada pandangan anda, apakah yang perlu dilakukan oleh seseorang pekerja untuk mendapat nikmat keseronokan bekerja ? [3 markah]
- (iii) Nyatakan **tiga** pengajaran yang boleh diambil daripada Gurindam Tonggak Dua Belas. [3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) dahulu
- (ii) pendahuluan
- (iii) mendahului
- (iv) mendahulukan
- (v) terdahulu
- (vi) didahului

[6 markah]

(b) Tulis semula ayat-ayat di bawah ini supaya menjadi **tiga** ayat sahaja tanpa mengubah maksud dan susunan asal ayat-ayat tersebut.

Sektor pertanian antara kegiatan untuk memacu perkembangan ekonomi sesebuah negara. Kegiatan ini amat penting kepada sesebuah negara. Sektor ini memberikan pulangan ekonomi. Sektor ini boleh memberikan kesan positif. Sektor ini juga memberikan kesan negatif terhadap kualiti alam sekitar. Kejayaan dalam sektor pertanian tidak seharusnya diukur dari perspektif pulangan ekonomi semata-mata. Kejayaan sektor ini diukur dari sudut pemuliharaan alam sekitar. Kejayaan sektor ini diukur dari sudut perlindungan alam sekitar dalam membangunkan aktiviti tersebut.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kerja penyelenggaraan seperti membaiki lampu koridor, mencuci tangki air dan mencatat giat dijalankan di kawasan petempatan rumah pangsa itu.
- (ii) Antara kesan kepanasan global, seperti berlakunya cuaca panas yang eksterem dan musim kemarau yang tidak dapat dijangkakan.
- (iii) Sesetengah ilmuan menafsirkan akal sebagai sesuatu yang digunakan untuk memikirkan dan membuat pendalilan.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kerajaan memaklumkan pelbagai insentif bagi membantu meringankan beban beberapa kumpulan sasaran selain daripada pengecualian cukai untuk beberapa produk keperluan rakyat.
- (ii) Peninggalan sejarah dan asal budaya merupakan aset yang mesti dipertahankan dengan baik agar dapat dijadikan rujukan sumber dan tatapan generasi akan datang.
- (iii) Migrain sejenis sakit kepala yang ketara, lebih banyak berlaku dalam kalangan wanita berbanding kaum lelaki.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam ayat-ayat tersebut.*

- (i) Para peniaga restoran telah mengambil kesempatan menaikkan harga makanan dan minuman di restoran mereka berikutan pengumuman kerajaan untuk menaikkan harga gula di pasaran.
- (ii) Filem-filem arahan Allahyarham Seniman Agung Tan Sri Dr. P. Ramlee masih diminati sehingga sekarang dan menjadi tatapan generasi hari ini.
- (iii) Pemuda yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah itu telah insaf serta bertaubat tidak akan mengulangi perbuatan itu lagi dan kini telah kembali menjalani kehidupan bersama-sama dengan keluarganya.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa.....(akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hmzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, terdapat persoalan kasih sayang seorang ibu terhadap anak.

Jelaskan **dua** peristiwa yang dapat dikaitkan dengan persoalan tersebut.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa pada peringkat permulaan novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT